

▼14/03/18-26MST

CNS9666

R GB 14-03 00155 BC014

aab

MAHATHIR BIDAS MAJLIS PEGUAM KERANA TIDAK IKTIRAP TUN HAMID

Maha thi r

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Langkah **Majlis Peguam** mengekalkan pendirian tidak mengiktiraf Tun Abdul **Hamid Omar** sebagai **Ketua Hakim Negara** samalah **seperti** tidak mengiktiraf keseluruhan sistem **kehakiman** negara ini, kata **Perdana Menteri** Datuk Seri Mahathir Mohamad.

+**Bagaimana** mereka mahu ke mahkamah jika tetap tidak mahu mengiktiraf Tun **Hamid** sebagai **Ketua Hakim Negara**+ katanya.

Dr Mahathir **mempersoalkan** pendirian **Majlis Peguam** yang menurutnya mahukan **badan** kehakiman yang bebas di negara **ini** tetapi bertindak seolah-olah setiap **perlantikan hakim** perlu ditentukannya.

+Apakah **hakim** perlu **patuh** kepada **mereka**+ beliau **bertanya**.

Selama **ini** **Majlis Peguam** bercakap mengenai **badan kehakiman** yang bebas tetapi tindakannya **sendiri** tidak demokrasi, tambah beliau.

Reliau **memberitahu** demikian kepada pemberita **ketika** dimintanya mengulas langkah **Majlis Pduam** masih berpegang kepada **usul** tidak percaya terhadap **Hamid** yang diluluskan pada 9 Julai, 1988. -- **Lagi**.

▼14/03/20-00MST

CNS9668

R GB 14-03 00111 BC015

aab

Mahathir 2 (akhir) Kuala Lumpur

Majlis Peguam masih mengekalkan pendirian itu **pada** mesyuarat tahunannya di **sini** hari **ini**.

Dr Mahathir berkata sikap **Majlis Peguam** **seolah-olah** menunjukkan bahawa **setiap perlantikan hakim** perlu mendapat kebenaran dan **restu** yaduh.

Dr Mahathir berkata, jika kebenaran daripada **Majlis Peguam** perlu bagi **perlantikan hakim**, maka semua undang-undang termasuk **Perlembagaan Persekutuan** **terpaksa** dipinda.

+Jadi selepas **ini**, **ada** dua pihak yang melaksanakan **sistem** perundangan di negara **ini** -- **majlis** dan **badan kehakiman**+, kata **beliau**.

Sebelum itu, Dr Mahathir melancarkan **siri** Kejohanan Polo Antarabangsa 1992 anjuran **Persatuan Polo Diraja Malaysia (RMPA)** dan **juga** **Logo RMPA**. -- **Bernama**

▼14/03/20-02MST